

Mahasiswa fokus t-jawab pelajar jadi modal insan berilmu

KOTA KINABALU: Golongan Mahasiswa perlu fokus dengan tanggungjawab sebagai pelajar menimba ilmu agar menjadi modal insan negara yang lebih efektif dalam melahirkan generasi kepimpinan masa depan yang berpengetahuan tinggi.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Panglima Tun Said berkata bagi realisasikan usaha tersebut golongan berkecuaan perlu menghindarkan diri dengan gejala pengaruh negatif dengan tidak membabitkan diri sebarang kegiatan yang boleh menjelaskan masa depan diri dan harapan keluarga serta negara.

Justeru, katanya, generasi muda perlu bijak menggunakan peluang mempersiapkan diri mereka di peringkat pengajian tinggi dengan penuh komitmen menjadi sebuah komuniti

lebih cemerlang dan harmoni pada masa akan datang.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Penutupan Program Gemilang Siswa Pewaris Muda Peringkat Negeri Sabah 2014 Anjuran Bersama Jabatan Penerangan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman C dan D, UMS, pada Sabtu.

Dalam pada itu, Salleh turut memberi peringatan kepada para pelajar sentiasa meningkatkan kebolehan dan keupayaan mereka dalam menganalisa ketepatan sesuatu maklumat yang diterima sama ada sahih atau sebaliknya.

"Ini penting agar mereka tidak mudah terjerumus dengan jenayah siber yang kini semakin menular menggunakan media sosial



PEMENANG ... Salleh menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Pertandingan Bintang Gemilang.

bagi tujuan yang salah seperti mempersenda dan menghasut," kata beliau.

Salleh turut mengharapkan agar pengajian program ini bukan sahaja memberi pendedahan dasar-dasar terkini kerajaan dan maklumat semasa malah memberi skop pengetahuan terhadap perpaduan pelbagai kaum serta mengukuhkan ukhuwah selaras dengan

gagasan 1 Malaysia.

Kira-kira 500 pelajar dari beberapa jurusan pengajian menyertai program tersebut.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pengarahan Penerangan Sabah, Yunus Saprin, mewakili pengarahnya Datuk Haji Almain Ajirul, Naib Canselor UMS (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr. Ismail Ali.